



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memenuhi syarat Sijil Pematuhan Cukai (TCC) iaitu masih berkuatkuasa dan berstatus "Patuh" serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MBMB/SH/2025/125</p> <p>KERJA NAIK TARAF KEMUDAHAN PELANCONGAN SEDIA ADA DATARAN REHAT DAN RAWAT (R&R) TAMAN BUNGA MERDEKA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANDA HILIR, MELAKA BERSEJARAH</p> <p>Peruntukan : MOTAC</p> <p>Tarikh Kelulusan : 3/11/2025</p> <p>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/01035(P)</p>	<p><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></p> <p>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka)</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE21</p>	<p><u>HARGA</u></p> <p>RM10.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p><u>TARIKH</u></p> <p>12 November 2025 (Rabu) sehingga 19 November 2025 (Rabu)</p>	<p>12 November 2025 (Rabu) Jam 9.30 pagi. Berkumpul di Tandas Taman Bunga Merdeka, Jalan Merdeka, Melaka</p> <p>Koordinat Lokasi : 2.19076, 102.24767</p> <p>1. Lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u></p> <p>2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak</p> <p>3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <u>TIDAK DIBENARKAN</u></p>	<p><u>TARIKH</u></p> <p>19 November 2025 (Rabu) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **12 November 2025 (Rabu) sehingga 19 November 2025 (Rabu)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam